



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

TAKLIMAT PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2024

Tarikh : 23 Januari 2024 (Selasa)

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Mod : Dalam talian



OUTLINE TAKLIMAT

1

PENGENALAN INOVASI SOSIAL

2

**GARIS PANDUAN PROGRAM PENYELIDIKAN
TRANSLASIONAL 2024**

3

PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN

4

SESI SOAL JAWAB



1

PENGENALAN INOVASI SOSIAL



Penyelidikan Translasional Memperkasa Inovasi Sosial

Prof. Emeritus Dr. Ibrahim Komoo

**Pengerusi, Jawatankuasa Pasukan Bertindak Program Penyelidikan
Translasional KPT;**

Pengerusi, Lembaga Pengarah UPM



*Bengkel Pembinaan Keupayaan di Langkawi UNESCO
Global Geopark*

Penyelidikan Translasional

- Program atau projek pembangunan berasaskan penyelidikan fundamental yang berpotensi untuk diterjemahkan untuk faedah kerajaan, industri, akademik dan komuniti

Skop Program/Projek



Lawatan pembelajaran geotrail KILIM Geoforest Park, Langkawi

Menyokong Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menumpukan kepada penambahbaikan dan kecekapan perniagaan;

Meningkatkan keupayaan kelompok atau koperasi komuniti bagi manfaat ekonomi dan kesejahteraan sosial;

Membantu agensi kerajaan dan institusi akademik yang merangkumi pembangunan dasar, perancangan strategik dan tindakan meningkatkan keupayaan bersaing



Pengisytiharan Langkawi sebagai global Geopark pertama di Asia Tenggara

Objektif Program/Projek

- a) Menghasilkan penyelesaian yang komprehensif terhadap isu semasa negara melalui inovasi sosial
- b) Menghasilkan *output* dan *outcome* yang telah diterjemahkan dan memberikan manfaat kepada negara
- c) Membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan kesejahteraan masyarakat

Inovasi Sosial (MOSTI)

Penggunaan dan pelaksanaan penyelesaian yang inovatif bagi mengatasi masalah dan cabaran dalam mewujudkan kekayaan ekonomi serta memperkasa nilai sosial untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam



Sambutan penilaian semula Izu Peninsula Geopark, Jepun

Inovasi Sosial

(Hall, 2015)

Creative process of value to society,
support by scientific/ experimental data
which generates new institutional, social
framework, profound changes in
behaviour, attitudes, build alliances &
empower the society



Ketua komuniti menyampaikan taklimat mengenai usaha pemuliharaan geowarisan, Jepun

Inovasi Sosial (Akademik)

Sumbangan ahli akademik berasaskan 'penyelidikan berterusan' (Inovasi Akademik) boleh di kelaskan dalam 3 bentuk:

- ✓ **Inovasi Ilmu** - penerbitan ilmiah berasaskan dapatan baharu
- ✓ **Inovasi Teknologi** - produk teknologi yang boleh dikomersialkan
- ✓ **Inovasi Sosial** - dasar, pendekatan, perubahan set minda yang berjaya diterjemahkan bagi faedah masyarakat, pembuat dan pelaksana dasar

Rabu, 12 April 2017 **BH**

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA
➔ **Profesor Emeritus Ibrahim Komoo**
Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan, Penasihat, Langkawi UNESCO Global Geopark dan Pengerusi, Pusat Penyelidikan Langkawi, UKM

Idea geopark berputik apabila penyelidik Kumpulan Warisan Geologi, UKM mengkaji sumber geologi untuk pelancongan”

Landskap berpandangan indah dan tapak geologi unik ternyata sesuai dibangunkan sebagai produk pelancongan”

Hasil penyelidikan perlu diterjemah menjadi produk, proses dan dasar yang diperlukan oleh komuniti”

Inovasi sosial perkasa komuniti

...ian untuk produk pelancongan. Kebanyakannya berada di dalam Hutan Simpan Kekal. Kerjasama dengan Jabatan Hutan membolehkan persetujuan tiga kawasan hutan dijenama semula sebagai Geoforest Park iaitu kawasan pemuliharaan alam serintegrasi menggabungkan warisan hutan (biologi) dan geologi (landskap).

Berikutnya, kami bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) untuk membahagikan produk pelancongan baharu dikenali geopelancongan atau pelancongan berasas ilmu. Kami mengambil masa lebih lima tahun bagi mempengaruhi kepimpinan LADA untuk menerima pakai produk geopelancongan melalui konsep geopark. Akhirnya kerajaan Kedah bersetuju mengisytiharkan Langkawi sebagai geopark dan pada 2007 berjaya menandatangani perjanjian antarabangsa apabila diterima sebagai ahli jaringan Global Geopark.

Pada masa sama, kami bersama LADA mendekati komuniti tempatan untuk bersama dalam kawasan geopark. Beberapa siri ce...

lah inovasi sosial apabila pengetahuan baharu (sains) berputik diterjemah menjadi produk (tindakan).

Inovasi sosial mengambil masa, memerlukan usaha dan iltizam mendampingi komuniti dan pihak berkepentingan. Keupayaan menjerterbah pengetahuan kepada kawasan pembangunan masyarakat.

Proses Inovasi Sosial
Di Gunung Kinabalu, proses inovasi sosial juga bermula sekitar 1996, apabila kajian mengenai geowarisan Kinabalu dijalankan oleh beberapa penyelidik UKM dan UMS. Hanya pada 2015, Taman-Taman Sabah memulakan projek geopark secara lebih bersepadu.


Kerjasama antara Taman-Taman Sabah, Jabatan Mineral dan Geosains Sabah, dan pelbagai pihak berkepentingan sudah menyediakan asas pembangunan geopark. Dialog Cadangan Kinabalu Geopark, Majlis Profesor Negara bersama pihak berkepentingan hanya satu daripada rancangan pelbagai aktiviti untuk

S empena program 10-muwan Prihatin Rakyat, Majlis Profesor Negara Mengelajah Sabah, kami berpelaung mengat...

balu boleh menghasilkan situasi 'menang-menang', dan pada 2015 memulakan inisiatif Kinabalu Geopark. Pada masa sama, Jawatankuasa Geopark Kebangsaan di...

Ibrahim Komoo (2017). Inovasi sosial perkasa komuniti ilmu. Berita Harian

Kerangka Inovasi Akademik



Inovasi Sosial (Evolusi)

- Perkhidmatan akademik
 - Pemindahan ilmu
 - Peranan ke-3 universiti
 - *Triple & quadruple helix*
- Penyelidikan translasional
 - Inovasi sosial



Perbincangan dengan Ahli Parlimen berkenaan pembangunan Ekorimba Lubuk Yu, Pahang

Contoh Klasik Inovasi Sosial



Tabung Haji



Grameen Bank

- Tabung Haji - Kertas Kerja Prof. DiRaja Ungku Aziz bertajuk “Rancangan Membaiki Ekonomi Bakal Haji” (30 Sept 1959) mencetus pewujudan Lembaga Urusan Tabung Haji (1963)
- Bank Grameen (1983) - Mikro kewangan dan Bank Pembangunan Komuniti diperkenalkan oleh Prof Muhammad Yunus (1976)

Geopark adalah Inovasi Sosial

- Apa itu Geopark?

Wilayah geografi yang mempunyai tapak atau landskap berkepentingan antarabangsa, diurus secara holistik berasaskan kepentingan pemuliharaan, pendidikan & pembangunan lestari (UNESCO, 2016)
- Berkembang pesat sejak 2004, kini (2023) mempunyai 195 buah di 46 negara



Taburan UNESCO Global Geopark di dunia

Sejarah perkembangan Geopark

- a) Idea & nama tercetus di Lesvos, Greece (1997) dalam perbualan santai antara Wolfgang Eder (UNESCO), Nickolas Zuros (Greece), Ibrahim Komoo (Malaysia)
- b) 2000: Kertas Pewujudan Program Geopark dibentangkan dalam UNESCO ExB
- c) 2004: Pembentukan Jaringan Geopark Global (GGN) dengan 25 buah geopark di Eropah dan Asia
- d) 2013: Pewujudan 'Global Geoparks Network Association' sebagai badan jaringan geopark antarabangsa
- e) 2015: Geopark diiktiraf sebagai Program UNESCO dinamakan 'UNESCO Global Geopark'



*Prof. Nicholas Zouros & Prof. Ibrahim Komoo –
President & Vice President GGN Association*

Pembangunan Geopark di Malaysia

- a) 1996-1999: Projek IRPA berjudul 'Warisan geologi untuk pembangunan pelancongan'
- b) 2000: Projek Geopark Langkawi dimulakan
- c) 2006: Langkawi dipersetujui menjadi Geopark Kebangsaan
- d) 2007: Langkawi diisytihar sebagai Global Geopark (pertama di Asia Tenggara)
- e) 2015: Langkawi diterima sebagai 'UNESCO Global Geopark'
- f) Kini (2023), Malaysia mempunyai 2 UNESCO Global Geopark; dan 11 Geopark Kebangsaan



Papan tanda di Lapangan Terbang, Langkawi

Penutup

Penyelidikan Translasi memperkasa Inovasi Sosial, perlu berasaskan 'penyelidikan fundamental' yang telah membangun 'kepakaran, kemahiran dan pengetahuan ahli/kumpulan akademik'.



*Komuniti Alxa Global Geopark menyambut
Penilai UNESCO*

Penyelidikan Translasi Memperkasa Inovasi Sosial

Terima Kasih





2

GARIS PANDUAN PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2024



ISI KANDUNGAN

-
- 01 Pengenalan
 - 02 Permohonan
 - 03 Penilaian
 - 04 Pemantauan
 - 05 Peraturan Kewangan
 - 06 Keputusan

Penyelidikan Translasional :

Penyelidikan pembangunan yang berasaskan penyelidikan fundamental (sedia ada) yang berpotensi untuk diterjemahkan yang memberi impak tinggi kepada Kerajaan, komuniti, industri dan akademik.

Perkara-perkara asas:

1

Berteraskan **penyelidikan fundamental (asas)** yang telah menghasilkan ilmu baharu dan kekuatan institusi

2

Melibatkan **jaringan kerjasama** bersama pihak berkepentingan (Kumpulan sasaran)

3

Penyelidikan untuk menyelesaikan tadbir urus, perubahan set minda warga, pembangunan insan, **perniagaan Baharu**, ekonomi luar bandar dan kesejahteraan masyarakat

Skop Penyelidikan Translasional :

01

Menyokong Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menumpukan kepada penambahbaikan dan kecekapan perniagaan

02

Bersifat koperasi atau konsortium yang menyokong komuniti serta menumpukan manfaat ekonomi dan kesejahteraan sosial

03

Melibatkan agensi Kerajaan dan akademia yang merangkumi pembangunan, perancangan atau pelan strategik

04

Bersifat *multi* atau *inter discipline*.


Objektif:



Menghasilkan **penyelesaian yang komprehensif** terhadap isu-isu semasa negara melalui inovasi sosial;



Menghasilkan **output dan outcome yang telah diterjemahkan dan memberikan manfaat** kepada negara;



Membantu meningkatkan **taraf sosio-ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.**

Syarat am permohonan:

- a) Geran ini terbuka kepada **kakitangan akademik** sekurang-kurangnya **Profesor, Profesor Madya atau Pensyarah sepenuh masa** di Institusi yang membangunkan inovasi ilmu yang digunakan untuk projek ini.
- b) Syarat-syarat Ketua Projek :
 - Ketua Projek **Warganegara** Malaysia bertaraf/kontrak tetap mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran sama dan dari institusi sama sebagai Ketua Projek Seterusnya (*Next Appointed Leader*).
 - Tempoh perkhidmatan Ketua Projek sekurang-kurang tiga (3) tahun atau mengikut tempoh masa projek;
 - Ketua Projek dan ahli penyelidik bersama mestilah bertanggungjawab dan bersedia memberikan komitmen sepenuhnya terhadap perancangan dan pelaksanaan projek secara keseluruhan
 - Pegawai penyelidikan (lantikan universiti dan bertaraf tetap), pegawai pasca doktoral daripada Universiti Awam atau Universiti Swasta, pegawai penyelidik dari Institusi Penyelidikan (RI) hanya dibenarkan menjadi penyelidik bersama

b) Syarat-syarat Ketua Projek (samb.):

- ❑ **Ketua Projek yang telah ditawarkan geran Program Penyelidikan Translasional 2023** atau sedang mengetuai geran penyelidikan lain di bawah KPT tidak layak untuk memohon Program Penyelidikan Translasional 2024.
- ❑ **Ketua Projek tidak memegang sebarang jawatan berkepentingan di universiti / jabatan seperti Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan atau mana-mana pusat yang menguruskan permohonan geran penyelidikan Program Penyelidikan Translasional.**
- ❑ Kakitangan akademik yang cuti belajar/cuti sabbatical/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain dalam tempoh pembukaan permohonan tidak dibenarkan memohon sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun dibenarkan untuk menjadi ahli penyelidik bersama. Maklumat berkaitan perlu dikemaskini oleh penyelidik dan disahkan oleh RMC institusi.
- ❑ Kakitangan akademik yang merancang untuk mengambil cuti belajar/cuti sabbatical/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain tidak digalakkan untuk memohon sebagai Ketua Projek.

b) Syarat-syarat Ketua Projek (samb.):

- Mana-mana pemohon yang tidak lagi berkhidmat di Institusi hendaklah memaklumkan kepada RMC untuk dilaporkan kepada JPT, KPT sebelum keputusan permohonan dikeluarkan
- Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) permohonan projek sahaja;
- Pemohon mestilah berkolaborasi dengan pihak industri/agensi yang berkaitan bagi melaksanakan projek penyelidikan (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (*letter of intent*) dan lain-lain dokumen yang berkaitan). Peranan dan sumbangan pihak kolaborator hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam surat atau dokumen yang berkaitan.

c) Bidang penyelidikan : **Terbuka. Bidang-bidang keutamaan semasa negara** adalah amat digalakkan terutamanya yang memberikan ***output* dan *outcome*** kepada **Kerajaan, komuniti, industri dan akademia.**

d) Tempoh penyelidikan : **Satu (1) hingga tiga (3) tahun sahaja.**

e) Siling peruntukan : Akan dimaklumkan dalam surat tawaran kepada Institusi (**bergantung kepada bajet yang akan diberikan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2024.**

f) **Hasil penyelidikan** – meliputi 2 komponen:

- ❑ *Output* ialah produk, proses dan kaedah (inovasi sosial) yang boleh dimanfaatkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) / SME, komuniti atau Kerajaan, Laporan teknikal, penerbitan berkualiti (gunaan atau kajian kes), bukti jaringan kerjasama, menghasilkan penyelidikan / pemimpin penyelidik, produk inovasi, harta intelek, sesi libat urus, townhall dan aktiviti komuniti).

- ❑ *Outcome* (perubahan sikap, peningkatan ekonomi, pembinaan keupayaan, perubahan atau penggubalan dasar/strategi/garis panduan, peningkatan kualiti hidup, kemahiran, penghakupayaan).

a) Penilaian Permohonan Peringkat Institusi (Penilaian Dalaman)

- Permohonan hendaklah dikemukakan menerusi Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) atau pusat yang menguruskan geran penyelidikan Program Penyelidikan Translasi di institusi.
- RMC atau pusat yang menguruskan geran penyelidikan Program Penyelidikan Translasi di institusi hendaklah melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (panel penilai dalaman). Pelantikan panel penilai perlu menepati kriteria yang ditetapkan oleh JPT, KPT.
- Panel penilai perlu meneliti kertas cadangan penyelidikan yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian dalaman yang ditetapkan seperti berikut:
 - (i) Panel penilai dalaman yang dilantik mestilah pakar dalam bidang serta berpangkat Profesor Madya atau Profesor;
 - (ii) Setiap kertas cadangan penyelidikan perlu dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang panel penilai dalaman;
 - (iii) Penilaian perlu berpandukan syarat permohonan dan peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Garis Panduan serta Dokumen Tadbir Urus yang berkuatkuasa;

- (iv) Sekiranya terdapat keperluan untuk menambahbaik kertas cadangan penyelidikan, panel penilai dalaman perlu mengembalikan semula kertas cadangan penyelidikan tersebut kepada penyelidik untuk ditambahbaik
 - (v) Sekiranya terdapat percanggahan keputusan antara panel pertama dan panel kedua, panel ketiga perlu dilantik. Keputusan panel ketiga adalah penentu sama ada kertas cadangan penyelidikan boleh diperaku oleh RMC atau pusat yang menguruskan geran penyelidikan ini; dan
 - (vi) RMC atau pusat yang menguruskan geran penyelidikan ini tidak dibenarkan untuk mengubah cadangan perakuan panel penilaian dalaman yang dilantik di peringkat institusi.
- Perakuan RMC perlu berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat institusi.
 - Pihak RMC atau pusat yang menguruskan permohonan geran penyelidikan Program Penyelidikan Translational bertanggungjawab untuk memastikan pemohon yang memohon geran masih kekal berkhidmat di Institusi masing-masing sebelum permohonan geran penyelidikan dikemukakan. Kakitangan akademik yang sedang merancang untuk cuti belajar/cuti sabbatical/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain perlu diberikan perhatian/nasihat oleh RMC jika merancang untuk mengemukakan permohonan. Ketua Projek bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat permohonan dan menjalankan penyelidikan sebagaimana yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan.

- ❑ **Senarai projek yang berjaya dan tidak berjaya** di peringkat **penilaian dalaman institusi** hendaklah dikemukakan kepada **Urus Setia Program Penyelidikan Translasional**. Susunan senarai projek adalah mengikut keutamaan.
- ❑ JPT, KPT berhak menolak kesemua permohonan dari Institusi tersebut sekiranya proses penilaian dalaman di peringkat Institusi tidak mematuhi mana-mana prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan.

b) Penilaian Permohonan di Peringkat JPT, KPT

- ❑ Permohonan Program Penyelidikan Translasional akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian JPT, KPT;
- ❑ Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian JPT, KPT adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, KPT;
- ❑ Penilaian permohonan adalah berdasarkan skop yang ditetapkan iaitu hendaklah menghasilkan *output* dan *outcome* berimpak tinggi dan memanfaatkan pihak berkepentingan seperti Kerajaan, komuniti, industri dan akademik;
- ❑ Laporan projek penyelidikan perlu dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian di peringkat JPT. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

c) Kriteria Penilaian :

- Ketua Projek hendaklah memastikan permohonan adalah **bersumberkan projek penyelidikan yang telah selesai** dan **sedia untuk diterjemahkan menerusi inovasi sosial** hasil penyelidikan tersebut
- Melibatkan jaringan kerjasama bersama pihak berkepentingan (kumpulan sasaran)**. Projek hendaklah dipastikan mempunyai sasaran komuniti / SME yang telah dikenalpasti;
- Penyelidikan untuk **menyelesaikan tadbir urus, perubahan set minda warga, pembangunan insan, perniagaan baharu, ekonomi luar bandar dan kesejahteraan masyarakat**; dan
- Penyelidikan untuk **memindahkan ilmu atau inovasi teknologi** kepada produk, proses atau kaedah yang boleh digunakan terus oleh penerima (inovasi sosial).

(i) Pelaksanaan Penyelidikan

Projek penyelidikan mestilah dilaksanakan bermula daripada tarikh yang ditetapkan oleh JPT. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) yang telah diluluskan. IPT dan penyelidik perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini serta lain-lain ketetapan daripada JPT.

IPT dan penyelidik juga perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) mematuhi terma rujukan dan tadbir urus yang telah ditetapkan.

(ii) Pemantauan Projek

Pemantauan projek penyelidikan perlu mematuhi kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT.

Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek terbahagi kepada dua (2) iaitu :

- a) Pemantauan oleh RMC / Pusat bertanggungjawab menguruskan geran Program Penyelidikan Translational; dan
- b) Pemantauan oleh JPT

Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Pemantauan prestasi dan kewangan ke atas semua projek akan dilaksanakan oleh Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI) setiap 6 bulan dari tarikh mula projek.

Pemantauan Tidak Berjadual

Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan oleh JPT seperti berikut:

- a) Lawatan tapak dan pengauditan; dan
- b) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditetapkan oleh JPT.

JPT juga berhak memanggil pihak IPT untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian (seperti pembentangan).

(iii) Pelaksanaan Penyelidikan

Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan adalah pada setiap 6 bulan sekali. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- a) Laporan Teknikal secara progresif dimulakan dengan Laporan Interim, Laporan Kemajuan dan Laporan Akhir;
- b) Laporan Prestasi Projek dan Kewangan (menggunakan templat yang disediakan);
- c) Hasil Penyelidikan (*output* dan *outcome*); dan
- d) Penyata Kewangan yang disahkan oleh Bendahari IPT.

(iv) Penyerahan Laporan Program

- a) Ketua Projek perlu menghantar laporan akhir menerusi RMC / pusat yang menguruskan geran yang merangkumi ringkasan keseluruhan projek selepas 3 bulan mendapat maklum balas projek
- b) Laporan ini hendaklah diserahkan dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut.

Kod Perbelanjaan

Peruntukan Program Penyelidikan Translasional adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

(i) **Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)**

- (a) Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant - GRA*) bagi pelajar Sarjana atau pelajar Ijazah Kedoktoran adalah tertakluk kepada kadar elaun yang ditetapkan di institusi masing-masing;
- (b) Elaun bagi Pembantu Penyelidik (*Research Assistant – RA*) adalah tertakluk kepada kadar elaun yang ditetapkan di institusi masing-masing. RA boleh terdiri daripada kalangan pelajar / bukan pelajar, mana-mana individu yang mempunyai kemahiran tertentu yang melaksanakan projek, rakan agensi Kerajaan atau ahli komuniti yang mempunyai kemahiran watan;

(ii) Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- (a) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan dalam negara sahaja termasuk melibatkan urusan berkaitan pembentangan bagi penilaian dan pemantauan di peringkat JPT;
- (b) Perjalanan ke luar negara aktiviti yang melibatkan kerja lapangan atau persidangan antarabangsa adalah tidak dibenarkan;
- (c) Destinasi perjalanan mestilah merupakan lokasi yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

(iii) Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Namun, sewaan ruang pejabat, komputer dan perabot tidak dibenarkan.

(iv) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan dengan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan. Sebut harga yang diperoleh daripada penjual dalam talian (online) seperti Shopee, Lazada dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.

(v) Vot 28000 – Penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan tersebut tidak akan ditanggung lagi oleh geran penyelidikan ini.

(vi) Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- (a) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium (kecuali kepada penyelidik) perkhidmatan profesional, konsultasi, enumerator, pembantu penyelidik, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- (b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) mestilah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

(vii) Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

- (a) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan Malaysia; dan
- (b) Jumlah yang dipohon bagi vot ini mestilah tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- (c) Penyelidik perlu mengemukakan justifikasi serta sebut harga pembelian.
- (d) Pembelian item menarik adalah tidak dibenarkan. Item menarik adalah aset atau inventori yang berisiko tinggi bagi tujuan kegunaan peribadi, terdedah kepada kecurian dan bernilai tinggi untuk dijual semula. Contoh adalah kamera, tablet, telefon pintar, TV, perakam suara dan lain-lain

Penggunaan Peruntukan tertakluk kepada keperluan asas projek dan kelulusan jawatankuasa.

Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan. Sebarang permohonan pindaan Vot diperingkat institusi **hanya boleh diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sahaja.**

Pemberitahuan keputusan dan pengagihan peruntukan

- (i) Surat kelulusan projek penyelidikan akan dimaklumkan kepada Naib Canselor IPT dan disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) IPT.
- (ii) Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari IPT setelah surat kelulusan projek dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.
- (iii) Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

Dokumen dan ikatan perjanjian

- (i) Dokumen perjanjian
 - (a) Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani di antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dan IPT bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
 - (b) Pihak IPT hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/ Rektor/ Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak IPT

(c) Dua (2) salinan asal dokumen perjanjian mestilah dikemukakan kepada JPT

(ii) Ikatan perjanjian

(a) Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani antara IPT dan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

(b) Pihak IPT hendaklah memastikan ikatan perjanjian disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh JPT. Namun begitu, pihak IPT dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan IPT tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan JPT.

(c) Satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani mestilah dikemukakan kepada JPT.



3

PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN

PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN



01

Tajuk Projek

02

Bidang penyelidikan : Terbuka. Namun **bidang-bidang keutamaan semasa negara** amat digalakkan

03

Objektif dan Rasional

04

Penjelasan komponen Inovasi Sosial - dinyatakan dengan jelas bagaimana inovasi ilmu atau teknologi diterjemahkan kepada inovasi sosial.

05

Sumber penyelidikan asas kumpulan - disokong oleh beberapa penerbitan berimpak.

FORMAT KERTAS CADANGAN



06

Ringkasan Eksekutif - 150 perkataan mengandungi pengenalan, objektif atau matlamat, pendekatan program, kumpulan sasaran dan jangkaan hasil.

07

Ahli Penyelidik - melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) IPT yang mempunyai kekuatan/kepakaran dan pernah menjalankan kolaborasi penyelidikan.

08

Rakan dan Bentuk Jaringan - rakan kongsi jaringan perlu melibatkan agensi pemudahcara (pelaksana), industri/korporat (swasta) dan rakan institusi penyelidikan. Jaringan ini digalakkan melalui MoU/MoA.

09

Kumpulan Sasaran yang mendapat faedah - Industri Kecil Sederhana, agensi Kerajaan, koperasi, komuniti setempat.

10

Pendekatan Projek dan Kaedah Penyelidikan - penjelasan mengenai kaedah pengurusan program dan metodologi setiap projek.



FORMAT KERTAS CADANGAN

11

Sumbangan Kewangan / Sokongan - *cash or in-kind* pihak luar. Digalakkan mencari dana tambahan melalui endowmen dan sumbangan individu dan industri.

12

Peruntukan projek – Perincian peruntukan yang dipohon mengikut VOT

13

Pelan pelaksanaan projek & garis masa pelaksanaan projek

14

Hasil (*Output*), Keberhasilan (*Outcome*) dan Impak projek



4

SESI SOAL JAWAB



TERIMA KASIH

Disediakan oleh:
Urus Setia Program Penyelidikan Translational
Seksyen Dana Khas & Penyelarasan
Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT
Jabatan Pendidikan Tinggi